



MOD.100-2/1/2 Jld 6 (68) 03/10

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN LAKSANA PROGRAM SANTUNI MADANI DI
SEKITAR KAWASAN BUKIT KATIL, MELAKA**

1. **MELAKA, 13 Oktober 2024** – Timbalan Menteri Pertahanan, **YB Adly Zahari** telah mengadakan **Program Santuni MADANI** di Kampung Bukit Bayan, Bukit Katil, Melaka, hari ini. **Kampung Bukit Bayan, Bukit Katil** telah dipilih sebagai **kampung Santuni MADANI**, satu lagi inisiatif terkini Kerajaan Madani dalam usaha untuk meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan dan libat urus secara langsung antara pemimpin dan masyarakat.
2. Menepati objektif program ini, YB Timbalan Menteri telah melaksanakan **Hari Bertemu Rakyat di Kampung Bukit Bayan**, memberi ruang dan peluang kepada masyarakat setempat untuk menyampaikan pelbagai perkara. Program Santuni MADANI telah mendapat kerjasama daripada semua peringkat agensi kerajaan setempat dan persekutuan serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), komuniti belia serta para pemimpin dalam kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri bagi mencari solusi kepada permasalahan yang dibangkitkan oleh penduduk tempatan.
3. Pengisian Program Santuni MADANI turut memuatkan Pameran kesihatan dan pemeriksaan gigi daripada Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM (BPK), Kaunter perkhidmatan veteran ATM oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) dan pelbagai kaunter perkhidmatan awam seperti Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Pejabat Daerah Tanah Melaka Tengah. Semasa berlangsung, Timbalan Menteri Pertahanan juga telah **menyampaikan lesen percuma kepada 50 orang terpilih serta 200 Bakul Rahmah kepada penduduk kampung dan kariah Masjid Raudhatul Jannah**.
4. Semasa berlangsungnya program Santuni MADANI, YB Adly telah mengadakan **Program Jiwa Murni** bersama masyarakat kampung dengan melaksanakan aktiviti **gotong-royong** membersihkan kawasan masjid yang **dianjurkan oleh Rejimen 514 Askar Wataniah di bawah pimpinan Brigedier Jeneral Datuk Yusof bin Jantan**. Program sebegini adalah penting dalam mencapai pertahanan menyeluruh, yang mana pengisiannya membuka ruang kepada masyarakat umum untuk mengenali Angkatan Tentera Malaysia dengan lebih dekat selain kolaborasi bersama agensi kerajaan setempat.
5. Program selama dua hari di Bukit Katil turut memuatkan **Program Veteran Desa Madani (VDM)**, yang memberikan peluang kepada Timbalan Menteri Pertahanan untuk **menyantuni dan beramah mesra bersama dengan 2 orang Veteran ATM** di kawasan berhampiran. Tekad ini adalah sebagai menghargai perjuangan warga Veteran ATM yang

meluangkan masa sihat mereka untuk mempertahankan negara. Mengguna peluang yang ada, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyumbangkan barang keperluan makanan dan peralatan kesihatan serta mengenal pasti keperluan lain bagi membantu veteran.

6. Program VDM adalah merupakan salah satu inisiatif daripada keseluruhan **Program Peduli Veteran Madani (PVM)** yang telah diperkenalkan oleh Kementerian pada bulan Mac 2023 bagi menampilkan **pengisian yang lebih mesra dengan veteran dan keluarga termasuk masyarakat setempat**. Program VDM telah bermula sejak Julai 2024 meliputi Daerah Machang, Gua Musang dan Rantau Panjang. Program ini juga telah berjaya mengenal pasti veteran ATM yang memerlukan bantuan dengan lebih tepat dan cepat, **khusus kepada golongan veteran asnaf** dan di bawah kategori B40 yang memerlukan bantuan dalam salah satu di antara 5 aspek PVM iaitu **Kebajikan, Kesihatan, Perumahan, Pendidikan dan Pemerksaan (empowerment)**.

7. Sejak awal pelaksanaan, program ini telah menunjukkan penerimaan positif dari ahli veteran yang berdaftar dengan JHEV juga berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Kementerian Pertahanan semasa program berlangsung. Program VDM juga dilihat berjaya berfungsi sebagai **platform kolaborasi antara kementerian dan kerajaan negeri** dalam usaha untuk menyampaikan bantuan kebajikan kepada veteran-veteran terpilih secara khusus dan masyarakat setempat secara amnya.

8. Melalui inisiatif ini, Timbalan Menteri Pertahanan berupaya menzahirkan aspirasi kerajaan yang sentiasa **'Responsif, Prihatin dan Komited'** dalam menjaga kesejahteraan dan kebajikan veteran ATM yang menjadi salah satu teras utama dalam **Pelan Strategik Kementerian Pertahanan**. Perkara ini juga adalah selari dengan pembangunan dasar **Malaysia Madani (Teras Ihsan)** untuk kementerian terus berusaha mengenalpasti sebarang peluang yang boleh memanfaatkan veteran dan tanggungan demi memperkasakan agenda kebajikan veteran ATM.

9. Hadir semasa majlis berlangsung adalah Ketua Pengarah JHEV ATM; Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki, Datuk Bandar MBMB; Datuk Hj. Shadan bin Hj. Othman, Yang DiPertua MPHTJ; Datin Hajah Sapiah binti Haron, Pengarah JHEV Cawangan Negeri Melaka; Mejar Muhammad Zarifi bin Haji Tumi serta wakil persatuan-persatuan veteran ATM sekitar Bukit Katil, Melaka.

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 13 Oktober 2024